

**JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU****PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2010****1249/1****SEJARAH SPM**

Kertas 1

Ogos

1 jam

**Satu jam****JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan*
2. *Jawab semua soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, A, B, C dan D. Bagi setiap soalan pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan. Padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

*Disediakan oleh:*

GURU AKRAM NEGERI TERENGGANU

*Dibiayai oleh:*

KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

**TERENGGANU ANJUNG ILMU***Dicetak Oleh:**Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.**Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063*

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak

- 1 Apakah pandangan Islam tentang konsep tamadun?
- A Kemajuan negara kota  
B Pencapaian budaya yang tinggi  
C Kemunculan penulisan dan kesenian  
D Pembangunan lahiriah dan rohaniah
- 2 Apakah kesan kemajuan ilmu astronomi dan matematik kepada masyarakat Mesir Purba?
- A Penggunaan roda  
B Penciptaan kalendar  
C Kemajuan ilmu pelayaran  
D Kewujudan bandar terancang
- 3 Apakah persamaan antara sistem demokrasi Yunani dengan sistem demokrasi di Malaysia?
- A Rakyat terlibat dalam pemerintahan  
B Perdana Menteri sebagai ketua negara  
C Dewan Negara meluluskan belanjawan  
D Dewan rakyat menentukan ketua negara
- 4 Penyataan di bawah berkaitan perkembangan ekonomi dalam tamadun India.

*Sresthin* merupakan pertubuhan perdagangan di India

Apakah matlamat penubuhannya?

- A Mengawal harga barang  
B Menjamin kesetiaan pekerja  
C Menghadkan waktu bekerja  
D Mempertahankan hak majikan
- 5 Senarai di bawah merujuk pada falsafah legalisme dalam tamadun China

- Undang-undang yang tegas
- Tiada perasaan belas kasihan

Bagaimanakah legalisme dilaksanakan?


- A Ketua hakim dibayar gaji yang tinggi  
B Rakyat di bawah penguasaan tentera  
C Raja harus memiliki kuasa yang utuh  
D Juri dilantik dalam kalangan bangsawan

6 Mengapakah gelaran berikut diberikan kepada Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera?

- *Suvarnavdipa*
- *Suvarnabhumi*

- A Kemajuan perdagangan
- B Kedudukan yang strategik
- C Kekayaan logam emas dan timah
- D Kekuatan pengaruh Hindu-Buddha

7 Rajah di bawah menunjukkan sebahagian struktur organisasi pentadbiran Srivijaya.



Siapakah yang mengetuai pentadbiran peringkat daerah?

- A Datu
- B Senapati
- C Parvanda
- D Penghulu

8 Tokoh berikut memainkan peranan penting dalam kehidupan Nabi Muhammad s.a.w.

Abu Talib bin Abdul Muttalib

Bagaimanakah beliau telah mempengaruhi kehidupan Nabi Muhammad s.a.w?

- I Mendorong baginda berniaga
- II Mewakafkan rumahnya sebagai pusat dakwah
- III Membantu baginda mengislamkan orang Quraisy
- IV Menggalakkan baginda mempunyai pekerjaan tetap

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 9 Dialog di bawah mungkin berlaku antara ketua-ketua Quraisy di Makkah.

Ketua 1 : Kita perlu menolak ajaran Muhammad dengan bersungguh-sungguh.

Ketua 2 : Ya, ajarannya telah menggugat perkembangan ekonomi kita.

- Apakah faktor yang mendorong mereka menganggap ajaran Islam menggugat perkembangan ekonomi mereka?
- A Mengharamkan amalan perdagangan  
B Menyekat penjualan air di telaga zamzam  
C Melarang amalan penindasan golongan bawahan  
D Menjejaskan perusahaan mengukir patung berhala
- 10 Apakah faktor pendorong berlakunya peristiwa penghijrahan selepas perjanjian di bawah?

Selepas Perjanjian Aqabah Kedua, orang Islam mulai berhijrah ke Madinah

- A Keinginan orang Madinah meninggalkan amalan jahiliah  
B Kesanggupan orang Madinah mempertahankan Islam  
C Jaminan penguasaan ekonomi kepada orang Islam  
D Kesanggupan orang Yahudi bertolak ansur
- 11 Apakah sumbangan Abdullah bin Abu Bakar dalam proses penghijrahan Nabi Muhammad s.a.w. ke Madinah
- A Mengintip kegiatan orang Quraisy  
B Menghantar bekalan makanan  
C Membekalkan susu kambing kepada baginda  
D Menawarkan diri tidur di tempat tidur nabi
- 12 Antara berikut, keadaan yang manakah membenarkan perang dalam Islam?
- I Meluaskan wilayah  
II Menguasai ekonomi  
III Memelihara tempat ibadat  
IV Mempertahankan diri
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

- 13 Apakah pembaharuan yang dilaksanakan oleh khalifah Umar al-Khattab r.a semasa pemerintahan beliau?
- I Memperkenalkan kalendar Islam
  - II Mengumpul tulisan al-Quran
  - III Membina angkatan tentera laut
  - IV Memisahkan Jabatan Kehakiman dengan jabatan lain
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 14 Mengapakah institusi baitulhikmah diperkenalkan semasa zaman Khalifah Harun al-Rasyid?
- A Menguruskan harta kerajaan
  - B Menyelaraskan tugas khalifah
  - C Menjalankan kegiatan penterjemahan
  - D Mengendalikan perlantikan pegawai kerajaan
- 15 Maklumat berikut merujuk kepada teori kedatangan Islam ke Asia Tenggara.

Tokoh	Teori Kedatangan Islam
S.Q. Fatimi	China

Apakah bukti yang mengukuhkan teori di atas?

- A Penggunaan tulisan Jawi
  - B Perkampungan di Sumatera Utara
  - C Penemuan Batu Bersurat Terengganu
  - D Pengislaman raja dalam karya tempatan
- 16 Apakah kriteria penganugerahan jawatan syahbandar kepada seseorang pedagang di sesebuah pelabuhan di Asia Tenggara?
- A Bersifat Jujur
  - B Mahir berniaga
  - C Ramai pengikut
  - D Memiliki kekayaan
- 17 Apakah fungsi konsep daulat pada zaman kesultanan Melayu?
- A Mengawal tingkah laku sultan
  - B Melahirkan pembesar bermaruah
  - C Mengukuhkan kedudukan sultan
  - D Melicinkan upacara istiadat pertabalan

- 18 Apakah jenis sistem sukat dan timbangan yang digunakan dalam urusan jual beli rempah ratus di bawah dalam kerajaan Melayu Melaka?

- Bunga lawang
- Buah pala
- Bunga cengkik

- A Kati  
B Tahir  
C Dacing  
D Bahara
- 19 Perjanjian Tordesillas telah ditandatangani pada tahun 1494 oleh kuasa imperialis Eropah.

Apakah kepentingan perjanjian ini?

- A Portugal dan Sepanyol menetapkan pengaruh masing-masing  
B Portugal mula mendapat hak ke atas Amerika Latin  
C Sepanyol menjadi kuasa besar dalam penjajahan  
D Sepanyol dan Portugal mula berperang
- 20 Mengapakah gereja dianggap mengongkong kehidupan masyarakat pada Zaman Gelap di Eropah?
- A Mengawal kegiatan ekonomi  
B Memberi fokus kepada ilmu akhirat  
C Mengawal kebebasan masyarakat  
D Menggubal undang-undang yang ketat
- 21 Apakah tujuan pengenalan rancangan di bawah dalam perusahaan getah?

- Rancangan Sekatan Stevenson
- Rancangan Peraturan Getah Antarabangsa

- A Menghalang pembukaan ladang baru  
B Menghadkan pengeluaran  
C Meningkatkan pengeluaran  
D Membangunkan teknologi pengeluaran

- 22 Maklumat di bawah berkaitan dengan dasar British terhadap pekebun kecil di Tanah Melayu.

Enakmen Tanah Padi 1917

Mengapakah British memperkenalkan enakmen tersebut?

- A Melarang tanaman getah
  - B Mengelakkan penjualan tanah
  - C Mengalakkan pertanian tradisional
  - D Mewujudkan tanaman berkelompok
- 23 Pernyataan berikut berkaitan akta yang telah diperkenalkan oleh British di Burma.

Sewaktu menguasai Burma, British telah memperkenalkan Akta Kampung Ulu Burma (1887) dan Akta Perkampungan Burma (1889)

Apakah kesan pengenalan kedua-dua akta di atas?

- A Pentadbiran tradisional lenyap
  - B Birokrasi Barat diperkukuhkan
  - C Pengaruh bangsawan semakin kukuh
  - D Pengekalan sistem pentadbiran daerah
- 24 Berdasarkan pernyataan di bawah, apakah tujuan Belanda melaksanakan dasar pendidikan di Indonesia?

Anak golongan priyayi mesti diberikan pendidikan tersendiri. Mereka mesti diasingkan daripada anak orang kebanyakan.


- A Menggelakkan masalah kewangan
- B Menjamin kedudukan golongan priyayi
- C Memecahbelahkan perpaduan penduduk tempatan
- D Menghapuskan amalan tradisi penduduk tempatan

- 25 Peristiwa di bawah merujuk kepada siri penentangan Dato' Bahaman di Pahang.

1890 – Menentang pembinaan Balai Polis Lubuk Terua.  
1891 – Menyerang British kerana menangkap anak buahnya.


Mengapakah beliau mengambil tindakan tersebut?

- A Beliau dituduh sebagai lanun  
B British menghalang laluan perdagangannya  
C Undang-undang British bertentangan dengan adat tempatan  
D Tindakan British membakar perkampungannya
- 26 Bagaimanakah British mengubah konsep kerajaan dan negeri masyarakat Melayu tradisional?
- A Memperkenalkan sistem perundangan Barat  
B Membentuk sistem Raja Berperlembagaan  
C Menubuhkan sistem birokrasi Barat  
D Menetapkan sempadan setiap kerajaan
- 27 Rajah di bawah merujuk kepada sistem pemerintahan di Kelantan.



Penubuhan Sistem Jemaah Menteri oleh Sultan Muhammad II menunjukkan Kelantan

- A mempelopori pemerintahan demokrasi  
B mempunyai pentadbiran yang mantap  
C melaksanakan sistem Raja Berpelembagaan  
D meniru sistem pentadbiran Negeri Sembilan
- 28 Rajah di bawah menerangkan peristiwa yang berlaku pada tahun 1946 di Tanah Melayu.



Mengapakah mereka mengadakan demonstrasi tersebut?

- A Penubuhan Malayan Union  
B Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu  
C Keengganan British memberi kemerdekaan  
D Kemasukan orang dagang



- 29 Penyerahan Sarawak kepada kerajaan British telah mendapat tentangan daripada rakyat. Apakah kemuncak penentangan tersebut?
- A Penangkapan Rosli Dhobi
  - B Peletakan jawatan Vyner Brooke
  - C Pembunuhan Sir Duncan Stewart
  - D Peletakan jawatan kakitangan awam
- 30 Mengapakah pengenalan Sistem Ahli di Tanah Melayu pada tahun 1951 tidak ditentang oleh rakyat?
- A Membela kaum Melayu
  - B Mewujudkan perpaduan
  - C Mengawal golongan imigran
  - D Menghalang penjajahan British
- 31 Apakah usaha Dato Onn bin Jaafar untuk mewujudkan Pakatan Murni?
- A Menubuhkan Persidangan Kebangsaan
  - B Menganjurkan Konvensyen Kebangsaan
  - C Mencadangkan pembentukan Parti Perikatan
  - D Membuka keahlian UMNO kepada semua kaum
- 32 Penubuhan Malaysia ialah proses *dekolonisasi* British terhadap negeri-negeri kecil yang belum membangun. Apakah maksud *dekolonisasi*?
- A Langkah melindungi tanah jajahan daripada ancaman musuh
  - B Langkah membantu tanah jajahan dalam bidang ekonomi
  - C Langkah membantu pentadbiran tanah jajahan
  - D Langkah memerdekakan tanah jajahan
- 33 Mengapakah Suruhanjaya Cobbold diwujudkan semasa proses penubuhan Malaysia?
- A Meninjau pendapat rakyat Sabah dan Sarawak
  - B Menerangkan tentang gagasan Malaysia
  - C Membela nasib pribumi di Sabah dan Sarawak
  - D Mengadakan rundingan dengan pemimpin Sabah dan Sarawak


- 34 Lee Kuan Yew telah mendesak British supaya menggabungkan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu.

Apakah faktor yang mendorong beliau berbuat demikian?

- A Menghapuskan rancangan parti berhaluan kiri
  - B Mewujudkan kerjasama ekonomi serantau
  - C Memperlihatkan semangat setia kawan
  - D Menghadapi ancaman komunis
- 35 Siapakah yang berkuasa melantik jawatan di bawah dalam sistem pemerintahan di Malaysia?

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>○ Peguam Negara</li><li>○ Ketua Audit Negara</li></ul> |
|--|

- A Perdana Menteri
  - B Ketua Setiausaha Negara
  - C Yang di-Pertuan Agong
  - D Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
- 36 Rajah di bawah menggambarkan proses dalam satu aspek pemerintahan negara Malaysia.



Apakah aspek yang dimaksudkan?

- A Menggubal dasar negara
- B Melaksanakan arahan kementerian
- C Meluluskan suatu undang-undang
- D Mengendali kes rayuan di mahkamah

- 37 Senarai di bawah merupakan antara usaha kerajaan memajukan negara kita semasa fasa pertama Rancangan Pembangunan Lima Tahun.

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Akta Pelaburan</li> <li>• Lembaga Penasihat Tarif</li> </ul> |
|---|

Apakah tujuan agensi-agensi tersebut diwujudkan?

- A Membangunkan sektor pertanian  
 B Memajukan sektor perindustrian  
 C Meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar  
 D Menggalakkan penyertaan bumiputera dalam sektor perusahaan
- 38 Apakah matlamat sistem persekolahan aneka jurusan yang diperkenalkan melalui Kajian Aminuddin Baki?
- A Memperkembangkan potensi pelajar  
 B Melahirkan pelajar mahir dalam bidang sains  
 C Memudahkan penempatan pelajar berdasarkan kelulusan  
 D Menampung pelajar yang gagal memasuki sekolah menengah akademik
- 39 Mengapakah pakatan berikut diwujudkan?

Perang Dunia Pertama	
Pakatan Bertiga	Perikatan Kuasa Tengah
Britain	Jerman
Perancis	Austria-Hungry
Rusia	Itali

- A Memupuk perpaduan dunia  
 B Menganjurkan rundingan damai  
 C Menyekat pengaruh komunis  
 D Memulakan persaingan kuasa
- 40 Antara berikut, manakah langkah kerajaan untuk mencapai matlamat k-Masyarakat?
- I Menubuhkan sekolah bestari  
 II Menggalakkan pendidikan swasta  
 III Membina kemudahan asas  
 IV Mengubahsuai kurikulum
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV

### KERTAS SOALAN TAMAT

... ..

... ..

... ..

- 1. ... ..
- 2. ... ..
- 3. ... ..
- 4. ... ..

... ..

- 1. ... ..
- 2. ... ..
- 3. ... ..
- 4. ... ..

... ..

...	...
...	...
...	...
...	...
...	...

- 1. ... ..
- 2. ... ..
- 3. ... ..
- 4. ... ..

... ..

- 1. ... ..
- 2. ... ..
- 3. ... ..
- 4. ... ..

... ..

TAMBAH BILANGAN

